



SIARAN MEDIA

PROGRAM ADVOKASI PEKERTI PERINGKAT NEGERI SARAWAK DAN SENTUHAN KASIH: KHATAN PERDANA - ANGKAT MODUL CAKNA DIRI LELAKI

KUCHING, 13 SEPT – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Program Advokasi PEKERTI Peringkat Negeri Sarawak dan Sentuhan KASIH: Khatan Perdana di Sekolah Kebangsaan Gersik, Kuching yang dianjurkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sarawak.

Dalam ucapan perasmiaannya beliau berkata bahawa program ini bukan sekadar memenuhi tuntutan tradisi malah ia menjadi detik bersejarah penglibatan bapa dan anak lelaki dalam pembentukan keberanian, keyakinan serta jati diri anak lelaki sebagai proses menuju kedewasaan. Dalam program hari ini, murid lelaki berusia 9 hingga 12 tahun akan menjalani proses berkhatan di mana ahli keluarga turut mengikuti program pendidikan berbentuk *Pocket Talk* dengan topik Alam Baligh Anak Lelaki, Sains dan Seni Kebapaan: SRHE for Boys dari LPPKN dan Jabatan Agama Islam Sarawak.

Tambah beliau, "Anak muda pada zaman ini berhadapan dengan cabaran yang semakin kompleks. Mereka terdedah kepada maklumat tanpa sempadan yang mengelirukan termasuk yang boleh menjerumuskan mereka kepada gejala berisiko."

Hasil kajian dari UNIMAS berkaitan *Issues Regarding Adolescents Sexual and Reproductive Health in Sarawak: An Overview*, di Sarawak khususnya, menunjukkan

bahawa remaja menghadapi kekangan besar untuk mendapatkan maklumat kesihatan reproduktif yang tepat dan menyeluruh. Kekurangan akses kepada maklumat kontraseptif serta penyakit kelamin (STI) menyebabkan sebahagian remaja terdedah kepada aktiviti seksual berisiko yang memberi kesan kepada kesihatan fizikal, mental dan sosial mereka.

Sebagai langkah intervensi, LPPKN menyediakan program advokasi berstruktur iaitu *SRH for Boys* atau Modul Cakna Diri Lelaki untuk mendidik anak lelaki untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri supaya lebih bertanggungjawab dalam tingkah laku seksual. Modul ini juga direka khusus agar dapat meningkatkan kesedaran tentang kesaksamaan gender, hidup tanpa keganasan dan memupuk nilai-nilai murni. Program ini sedang diperluas perlaksanaannya di Institut Pengajian Tinggi (IPT), sekolah dan komuniti.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
13 SEPTEMBER 2025**